

# Ibu Allahyarham Jamaludin fail pembelaan tuntutan harta sepencarian

[FOTO SADDAM YUSOFF /BH]



**Shamsuriah yang mewakili Kalsom hadir di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur, semalam.**

**Kuala Lumpur:** Ibu Allahyarham Tan Sri Dr Jamaludin Jarjis memfailkan penyata pembelaan terhadap tuntutan harta sepencarian yang dikemukakan balu bekas Ahli Parlimen Rompin itu di Mahkamah Tinggi Syariah di sini semalam.

Perkara itu dimaklumkan peguam syarie, Nur Hidayah A Bakar yang mewakili Aminah Abdullah, 84, selepas prosiding pengurusan kes di dalam kamar Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, Siti Zulaiha Mohamad Mansor.

Nur Hidayah berkata, pihaknya telah memfailkan penyata pembelaan terhadap tuntutan harta sepencarian yang difailkan bulan lalu oleh balu Allahyarham, Puan Sri Dr Kalsom Ismail.

“Tarikh akan datang juga, kita akan failkan affidavit jawapan kepada permohonan bantahan awal yang dibuat balu dan anak-

anak Allahyarham terhadap permohonan sivil faraid, yang difailkan Aminah,” katanya.

## Sebutan semula 7 Januari

Sehubungan itu, mahkamah menetapkan 7 Januari depan untuk sebutan semula kes.

Pada prosiding itu, peguam syarie Datuk Shamsuriah Sulaiman bertindak bagi pihak Kalsom manakala empat anaknya diwakili peguam syarie, Zuri Zabuddin Budiman.

Pada 2 Mac lalu, Aminah memfailkan permohonan untuk mendapatkan sivil faraid ke atas harta pusaka milik anaknya yang dianggarkan bernilai lebih RM2 bilion mengikut Seksyen 46 (ix) Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah Persekutuan) 1993.

Jamaludin terkorban dalam nahas helikopter di Kampung Sungai Pening, Semenyih, Selangor pada 4 April 2015.